



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (18)

Tarikh : 18 Jun 2013

SIARAN MEDIA

PROGRAM OPS FAJAR: TINJAUAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAN KUTIPAN SISA PEPEJAL DI SEKITAR KUALA LUMPUR

Kuala Lumpur, 18 Jun 2013- YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada pagi ini membuat tinjauan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh Alam Flora Sdn Bhd (AFSB) disekitar kawasan Kuala Lumpur.

YB Menteri di bawa melihat rutin harian pekerja-pekerja AFSB bermula dari sesi *Roll-Call* Bahagian Operasi AFSB, seterusnya melihat kerja-kerja kutipan sisa pepejal di Jalan Alor, Bukit Bintang dan berakhir di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal, Taman Beringin bagi kerja-kerja pemindahan sisa pepejal dari lori-lori kompaktor ke kenderaan *long haulage* sebelum dihantar ke tapak pelupusan Bukit Tagar.

Abdul Rahman selepas sesi lawatan itu dengan penuh harapan berkata, kini sudah tiba masanya orang awam memainkan peranan masing-masing membantu Kerajaan memastikan persekitaran yang lebih bersih dan kesihatan awam yang terjamin. Katanya lagi, Kerajaan melalui Kementeriannya begitu komited dan serius menangani masalah sisa pepejal dan pembersihan awam. Antaranya menswastakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada tiga (3) syarikat utama, disamping pemantauan KPI yang tegas kepada ketiga-tiga konsesi ini bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti diberikan.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) akan

dikuatkuasakan dengan lebih serius lagi terutamanya yang melibatkan pembuangan sisa pepejal secara haram. Di dalam Akta 672 telah diperuntukkan tindakan yang boleh diambil sekiranya mana-mana pihak yang didapati bersalah membuang sisa pepejal secara haram dengan dikenakan denda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000, tambah Abdul Rahman lagi. Penguatkuasaan undang-undang yang lebih kerap juga akan dilaksanakan oleh Penguatkuasa Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) bersama-sama Penguatkuasa PBT bagi orang ramai yang sering membuang sampah kecil (*littering*) merata-rata dalam usaha memastikan habit yang tidak sihat ini dapat dikawal.

Selain penguatkuasaan undang-undang, Kerajaan juga pada masa ini melihat peluang-peluang yang ada bagi meluaskan kerjasama dengan pemaju-pemaju supaya mengambil pendekatan membina kemudahan kitar semula dengan *Buy Back Center* bagi menggalakkan masyarakat mengitar semula sampah-sampah mereka dan sekaligus dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan.

Abdul Rahman berkata, "saya amat mengharapkan semua pihak memainkan peranan. Kerajaan telah menyediakan kemudahan dan kaedah yang terbaik dalam menangani isu pengurusan sisa pepejal di negara ini. Justeru sokongan dari semua pihak terutamanya masyarakat amat diperlukan dalam memastikan negara ini kekal bersih dan kesihatan awam terjamin.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my